

**Muhyiddin Dianugerah Pangkat Timbalan Pesuruhjaya Bomba Kehormat
Bernama
30 Apr, 2014**

PUTRAJAYA, 30 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Rabu dianugerahkan pangkat Timbalan Pesuruhjaya Bomba Kehormat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Majlis penganugerahan pangkat itu berlangsung di Pejabat Timbalan Perdana Menteri dan disampaikan Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim.

Turut hadir pada majlis itu Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Abdul Rahman Dahlan.

Penganugerahan pangkat itu sebagai penghargaan terhadap sumbangan dan inisiatif Muhyiddin dalam membangunkan Jabatan Bomba dan Penyelamat sebagai sebuah organisasi berprestasi tinggi.

Ia juga bagi menjadikan Muhyiddin sebagai ikon untuk meningkatkan penglibatan masyarakat dalam bidang kebombaan.

Selain itu, idea dan inisiatif beliau juga akan menjadi inspirasi kepada warga jabatan bomba untuk terus memberikan perkhidmatan kebombaan yang cemerlang.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1034753>